

Ucapan : Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]
Tajuk Ucapan : Banjir di Kawasan Lanang
Tarikh Ucapan : 5 Disember, 2018 (Rabu)
Kementerian : Kementerian Air, Tanah Dan Sumber Asli

Tuan Yang di-Pertua,

Banjir kilat merupakan fenomena yang sering kali berlaku di Lanang, terutamanya di kawasan luar bandar. Sistem perparitan yang lemah menyebabkan laluan air permukaan akibat hujan lebat gagal mengalir ke kawasan yang sepatutnya lalu menyebabkan berlakunya banjir kilat.

Banjir kilat yang berpunca daripada parit yang cetek akibat mendapan sisa pepejal (sampah) atau tanah, sering berlaku di sesetengah kawasan Lanang seperti kawasan Jalan Tun Zaidi Ahmad Aduce, Jalan Pulau Dudong, Jalan Kong Yit Khim, Sentosa, Salim Belalang, Sengan, Menyan dan beberapa kawasan di Sibujaya iaitu kawasan Town Villa, Lorong 8 Sibujaya, serta kawasan Gereja Methodist Sibujaya. Keadaan ini telah menyebabkan jalan perhubungan di kawasan ini terputus kerana jalan yang turut ditenggelami air. Oleh itu, saya meminta agar pihak kementerian dapat membuat perancangan untuk menyelenggara serta membaik pulih semula semua sistem perparitan di kawasan-kawasan ini.

Selain itu, kedudukan rumah yang terletak berhampiran dengan sungai juga turut menjadi mangsa masalah banjir di Lanang seperti kawasan Naman, Ulu Sungai Menyan, Rumah Ampong dan Rumah Gelungan Sungai Nibong, Sungai Assan serta kawasan Latap. Banjir yang berlaku di kawasan ini telah menjejaskan keselamatan para penduduk kerana mereka terdedah secara terus kepada ancaman binatang buas yang mendiami di sungai tersebut. Oleh itu, saya ingin bertanya sekiranya pihak kementerian mempunyai inisiatif ataupun perancangan jangka pendek dan jangka panjang bagi mengatasi masalah banjir di kawasan-kawasan ini?

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, kerja-kerja penyelenggaraan sistem perparitan di kawasan bandar bukan di bawah bidang kuasa Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli sebaliknya adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Walau bagaimanapun, Kementerian ini bersedia untuk bekerjasama dalam membantu PBT dan Kerajaan Negeri bagi menangani isu banjir kilat di kawasan bandar.

Kerja-kerja penyelenggaraan parit di Jalan Tun Ahmad Zaidi Aduce adalah dibawah seliaan Jabatan Kerja Raya (JKR). Manakala, bagi parit di Jalan Pulau Dudong, Jalan Kong Yit Khim, Kawasan Sengan, Kawasan Menyan, Kawasan Sibu Jaya (Town Villa, Lorong 8 Sibujaya dan Gereja Methodist) serta Kawasan Salim Belalang adalah di bawah selenggaraan *Sibu Rural District Council* (SRDC).

Faktor Banjir

Bagi kawasan Sentosa, kawasan Naman, Ulu Sungai Menyan, Rumah Ampong, Rumah Gelongan Sungai Nibong, kawasan Sg. Assan dan Kawasan Latap, kejadian banjir tersebut adalah disebabkan oleh limpahan air sungai.

Perancangan Jangka Pendek

Perancangan jangka pendek yang perlu dilaksanakan adalah dengan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan sungai/ parit secara berkala bagi meningkatkan kapasiti sungai/ parit terutamanya ketika musim hujan untuk mengurangkan risiko banjir.

Perancangan Jangka Panjang

Bagi perancangan jangka panjang, kajian pelan induk sistem saliran di kawasan yang terlibat perlu dilaksanakan bagi mengenalpasti punca sebenar kejadian banjir dan kaedah yang berkesan untuk mengatasinya.

Selain itu, perancangan pembangunan bandar hendaklah dikawal oleh PBT dengan memastikan tiada peningkatan/ penambahan air larian permukaan ke saluran sedia ada akibat pembangunan yang dilaksanakan. Aktiviti kerja tanah untuk projek-projek pembinaan dan pertanian perlu juga dikawal bagi memastikan kelodak/ enapan tidak memasuki sistem perparitan/ sungai.

Terima kasih